



Isikan tempat kosong dengan kata ganti nama diri ketiga yang betul.

<b>dia</b>	<b>baginda</b>	<b>ia</b>	<b>mereka</b>	<b>beliau</b>
------------	----------------	-----------	---------------	---------------

1. Murid-murid Sekolah Rendah Labi mengikuti lawatan.  
\_\_\_\_\_ dibawa melawat ke Ladang Cili Haji Husin.
2. Encik Amiruddin diundang ke majlis perjumpaan itu. \_\_\_\_\_ akan memberikan panduan tentang teknik pertanian moden.
3. Amri pergi ke gerai buah-buahan. \_\_\_\_\_ mahu membeli buah belimbing.
4. Sultan Muhammad berjiwa rakyat. \_\_\_\_\_ sering memberikan bantuan untuk memajukan ekonomi rakyatnya.
5. Henry seorang yang lucu. \_\_\_\_\_ selalu menghiburkan kami dengan gurauannya.
6. Nani, Laila dan Selvi berkawan rapat sejak \_\_\_\_\_ kecil lagi.
7. Daud seorang murid yang nakal. \_\_\_\_\_ selalu mengusik kawan-kawannya.
8. Walaupun Cikgu Haris seorang yang tegas, tetapi \_\_\_\_\_ baik hati.
9. \_\_\_\_\_ sedang bertitah di atas singgahsana.
10. Penduduk kampung menyokong Haji Mahmud sebagai ketua kampung yang baharu kerana kebijaksanaannya dan sikap kepimpinan \_\_\_\_\_.